



**BAHAGIAN LETAK KERETA  
JABATAN PERBENDAHARAAN  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**BORANG PERMOHONAN PETAK KHAS TEMPAT LETAK KERETA.**  
**(SENARAI SEMAK PERMOHONAN)**

NAMA SYARIKAT : .....

LOKASI : .....

1) Dokumen dari pemohon diterima pada : .....(sila tandakan ✓ )

- |  |                          |
|--|--------------------------|
| a) Satu (1) salinan Lesen Perniagaan MBSJ.   | <input type="checkbox"/> |
| b) Satu (1) salinan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).  | <input type="checkbox"/> |
| c) Satu (1) salinan resit bayaran Cukai Taksiran ( Cukai Pintu ) MBSJ yang terkini.<br>(TiadaTunggakan Cukai Taksiran) | <input type="checkbox"/> |
| d) Gambar hadapan premis (papan tanda dan petak parkir)  | <input type="checkbox"/> |

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Bahagian Letak Kereta, Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Subang Jaya melalui talian telefon : **03-80263145** dan emel : [petakkhas@mbsj.gov.my](mailto:petakkhas@mbsj.gov.my)

\* **Peringatan**      *Sila pastikan **'senarai semak' dilengkapkan** sebelum mengemukakan permohonan ke Jabatan Perbendaharaan. Sekiranya **tidak lengkap**, permohonan akan **ditolak**.*



**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**  
**Jabatan Perbendaharaan**

**BORANG PERMOHONAN PETAK KHAS TEMPAT LETAK KERETA**  
**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**  
**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN**  
**(PERUNTUKAN MENGENAI TEMPAT LETAK KERETA)**  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2007**

**ARAHAN**

- A. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap, terang dan jelas.  
B. Tandakan (/) dalam petak berkenaan.

**1. MAKLUMAT PEMOHON**

1.1 Nama Syarikat / Perniagaan : .....

1.2 Alamat Perniagaan : .....

.....

.....

1.3 No. Telefon - i) Pejabat : .....

- ii) H/p : .....

1.4 Emel Rasmi : .....

1.5 Jenis Perniagaan : .....

1.6 No. Pendaftaran Syarikat : .....

*(Sila lampirkan salinan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM))*

1.7 Tujuan Memohon : .....

.....

1.8 Nama Pemohon Yang Boleh : .....

Dihubungi

## 2. MAKLUMAT ASAS PEMOHONAN

2.1 Kategori Pemohonan (sila rujuk syarat-syarat am kemudahan petak khas) :

Kategori A (Permohonan Premis Berkaitan Kenderaan & Hotel)

Kategori B (Permohonan Premis Bukan Berkaitan Kenderaan)

2.2 Lokasi Premis / Bangunan :

Lot Hujung (End Lot)

Lot Tengah (Intermediate Lot)

Lot Tepi (Corner Lot)

2.3 Lokasi Petak Parkir :

Petak Hadapan

Petak Belakang

Petak Tepi

2.4 Petak parkir yang dipohon :

Jumlah Petak Dipohon : .....

Nombor Petak : .....

Nama Jalan : .....

### 3. BAYARAN

#### 3.1 Kategori A (Permohonan Premis Berkaitan Kenderaan & Hotel)

3.1.1 Bayaran dibuat seperti berikut :

Bayaran dua belas (12) bulan sekali

3.1.2 Pilihan sewaan

Tandakan (✓)	Kategori (Pilih satu sahaja)	Hari Sewaan	Tempoh Sewaan	Kadar Harga Termasuk SST 6%
	Kategori A (1)	Isnin hingga Jumaat (Hari bekerja sahaja) -Cat Merah	08.00 pagi hingga 10.00 malam	RM 159 / Bulan
	Kategori A (2)	Isnin hingga Ahad termasuk Cuti Am - Cat Hijau	08.00 pagi hingga 10.00 malam	RM 318 / Bulan

#### 3.2 Kategori B (Permohonan Premis Bukan Berkaitan Kenderaan)

3.2.1 Bayaran dibuat seperti berikut (sila tandakan ✓) :

Bayaran tiga (3) bulan sekali

Bayaran enam (6) bulan sekali

Bayaran dua belas (12) bulan sekali

3.2.2 Pilihan sewaan

Tandakan (✓)	Kategori (Pilih satu sahaja)	Hari Sewaan	Tempoh Sewaan	Kadar Harga Termasuk SST 6%
	Kategori B (1)	Isnin hingga Jumaat (Hari bekerja sahaja) -Cat Merah	08.00 pagi hingga 10.00 malam	RM 371 / Bulan
	Kategori B (2)	Isnin hingga Ahad termasuk Cuti Am - Cat Hijau	08.00 pagi hingga 10.00 malam	RM 530 / Bulan

#### 3.3 Tarikh mula sewaan :

Bulan .....

Tahun.....

#### 4. PENGAKUAN PEMOHON

Saya / Kami mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan di dalam borang permohonan ini adalah benar dan saya / kami akan mematuhi semua syarat-syarat yang dilampirkan di *Lampiran A* yang ditetapkan oleh pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya berhubung dengan penyewaan petak letak kereta.

.....  
Tandatangan & Cop Perniagaan

.....  
Tarikh

## MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SYARAT-SYARAT AM KEMUDAHAN PETAK KHAS TEMPAT LETAK KERETA

### PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam satu salinan borang khas yang disediakan.
2. Keputusan akan diberitahu oleh MBSJ setelah permohonan diproses.
3. Setiap permohonan tertakluk pada kuota yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
4. Setiap keputusan Majlis adalah muktamad.

### KETERANGAN

5. Majlis Bandaraya Subang Jaya akan meluluskan penyewaan Petak Khas Tempat Letak Kereta berdasarkan kepada permohonan yang memenuhi kategori perniagaan seperti :

#### 5.1 **Kategori A (Permohonan Premis Berkaitan Kenderaan & Hotel) – Wajib :-**

- a. Premis perniagaan motosikal (untuk laluan keluar masuk sahaja)
- b. Premis perniagaan yang menjual aksesori kereta / penghawa dingin kenderaan
- c. Premis perniagaan menjual bateri atau tayar kereta
- d. Premis perniagaan mencuci atau mengilap kenderaan
- e. Premis perniagaan membaiki / mengetuk / mengecat kenderaan
- f. Premis perniagaan menjual kereta
- g. Hotel

- 5.1.1 Bagi premis/bangunan dalam kategori lokasi lot tepi (corner lot) diwajibkan menyewa 3 petak parkir.

#### 5.2 **Kategori B (Permohonan Premis Bukan Berkaitan Kenderaan) - Pilihan**

### BAYARAN

6. Bayaran mengikut kategori yang telah dipersetujui oleh permohonan hendaklah dijelaskan sebelum petak khas boleh digunakan.
7. Bayaran adalah secara dalam talian (ONLINE), TUNAI, KAD KREDIT, KAD DEBIT, atau DRAF BANK atas nama (Majlis Bandaraya Subang Jaya) sahaja.
  - 7.1 Bayaran online boleh dilakukan di <https://ezy.mbsj.gov.my> dan di mesin kiosk MBSJ.
8. Bayaran yang dikenakan adalah sepertimana yang telah dipilih oleh pemohon.
  - 8.1 Bagi permohonan Kategori B (Permohonan Premis Bukan Berkaitan Kenderaan), potongan sebanyak 10% akan diberi jika penyewa menyewa lebih dari 1 Petak.

### TANGGUNGJAWAB PENYEWA

9. Penyewa adalah bertanggungjawab memastikan petak yang disewa itu tidak disalahgunakan untuk tujuan lain selain daripada tempat letak kereta.
10. Penyewa tidak boleh melakukan sebarang urusanniaga melibatkan penyewaan petak khas kepada orang ketiga.
11. Petak khas hanya dibenarkan untuk meletak kenderaan sahaja sahaja. Bagi premis **perniagaan motorsikal**, petak khas hanya boleh digunakan untuk **laluhan keluar masuk** sahaja.
12. Sebarang benda atau barang selain kenderaan, tidak dibenarkan untuk diletakkan didalam petak khas.
13. Penyewa **WAJIB** mempamerkan papan notis untuk menunjukkan bahawa petak tersebut telah disewa oleh mereka.
14. Petak tempat letak kereta sewaan khas adalah dibawah **tanggungjawab penyewa** mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.

### WAKTU PENYEWAAN

15. Penyewa tidak dibenarkan menghalang orang awam dari menggunakan petak yang telah disewakan tersebut selepas waktu sewaan.

### PENYEDIAAN PETAK KHAS

16. MBSJ akan memastikan petak khas yang disewa dicat mengikut spesifikasi yang dipiawaikan :-

Kategori A1 dan B1 – Petak parkir berwarna merah

Kategori A2 dan B2 – Petak parkir berwarna hijau

### PENARIKBALIKAN KEMUDAHAN

17. MBSJ berhak menarik balik kemudahan sewa petak letak kereta atas sebab-sebab berikut :-
  - a. Penyewa tidak membayar sewa tepat pada tarikh yang ditetapkan.
  - b. Penyewa melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan oleh MBSJ.
  - c. MBSJ berhak membatalkan penyewaan ini pada bila-bila masa tanpa memberitahu sebarang sebab.

### MENAMATKAN PENYEWAAN

18. Penyewa dikehendaki memberitahu Bahagian Letak Kereta MBSJ secara bertulis, **SATU (1)** bulan sebelum tarikh menamatkan sewa sekiranya berhajat untuk memberhentikan penyewaan petak khas tempat letak kereta .
19. Pihak Majlis tidak akan memulangkan baki sewaan petak khas kepada penyewa jika penyewa ingin menamatkan sewaan lebih awal dari tarikh sewaan tamat.

### PINDAAN SYARAT

20. MBSJ berhak meminda, menambah atau memansuhkan mana-mana syarat kemudahan Petak Khas Tempat Letak Kereta MBSJ dari masa ke semasa.

### LAIN-LAIN

21. **Pihak Majlis tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat kenderaan lain menggunakan petak khas yang disewa dalam tempoh waktu sewaan.**
22. Sebarang pertanyaan berkenaan dengan penyewaan ini, boleh dirujuk kepada **Bahagian Letak Kereta MBSJ** ditalian telefon **03-80263145** dan emel : [petakkhas@mbsj.gov.my](mailto:petakkhas@mbsj.gov.my) untuk mendapat penjelasan lanjut.
23. Segala keputusan dari pihak Majlis adalah muktamad.

### **Datuk Bandar**

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA